

MEMO

Stesen Udara Maritim Subang
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Kementerian Dalam Negeri

APMM.SUMS.200 - 6 (49)

Tarikh: 24 Disember 2018

Perkara	ARAHAN LARANGAN MEROKOK DI DALAM PREMIS KERAJAAN	
Daripada	Ketua Stesen Udara Maritim Subang	
Kepada	Lihat Agihan	Salinan kepada:

Adalah dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana semua sedia maklum, premis kerajaan adalah merupakan kawasan larangan merokok. Perkara ini adalah disebut oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam Senarai Kawasan Larangan Merokok Di Bawah Peraturan 11(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 Yang DiKuatkuasakan Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, para 8.

3. Memandangkan perkara ini adalah tanggungjawab semua, saya menyeru supaya semua pegawai, anggota serta kontraktor yang bekerja di SUMS untuk mematuhi arahan ini. Kawasan larangan ini adalah merangkumi semua kawasan berbumbung termasuklah ruang pejabat, hanger, kafeteria dan ruang yang berhawa dingin.

4. Merujuk kepada arahan yang dikeluarkan kawasan larangan merokok tersebut, mana-mana orang yang didapati merokok di kawasan larangan merokok jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

5. Saya selaku Ketua SUMS tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya perkara ini masih berlaku setelah arahan ini dikeluarkan. Kerjasama, perhatian dan tindakan semua pihak dalam perkara ini amatlah diharap.

Sekian, terima kasih.



(KOLONEL SYED ISLAM BIN SHAHAJAM TUDM)

Tindakan:

Dalam:

Ketua Skn *Amfibious*

Ketua Skn Helikopter AS365 N3

Ketua Skn Helikopter AW 139

Ketua Seksyen Operasi

Ketua Seksyen Pengurusan


Ketua Seksyen Logistik

Pegawai Keselamatan Penerbangan

Pegawai Keselamatan

Pegawai ICT

Unit Senggaraan Bangunan

 Galaxy Aerospece (M) Sdn. Bhd.

BHIC Aero Service Sdn. Bhd.

AJ Aeroservices Sdn. Bhd.

Kafeteria